

PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON INDIVIDU MSSPP

2012

1 Kejohanan Individu

- 1.1 Acara Perseorangan Lelaki dan Perempuan Umur 12, 15 dan 18 Tahun Ke Bawah.
- 1.2 Acara Bergu Lelaki dan Perempuan Umur 12, 15 dan 18 Tahun Ke Bawah.
- 1.3 Acara Bergu Campuran Umur 18 Tahun Ke Bawah

2 Pendaftaran Pemain

- 2.1 Penyertaan adalah dihadkan kepada **2** orang perseorangan dan/atau **2** pasangan bergu bagi setiap kumpulan lelaki / kumpulan perempuan untuk setiap kategori umur **serta 2** pasangan bergu campuran kategori umur 18 tahun ke bawah bagi semua sekolah.
- 2.2 Setiap orang peserta hanya boleh didaftarkan untuk bertanding dalam **satu (1)** acara perseorangan dan/atau **satu (1)** acara bergu dalam **satu (1) kategori umur** sahaja dan mereka **mestilah** didaftarkan untuk bertanding **mengikut kategori umur mereka masing-masing**. Jikalau terdapat mana-mana sekolah / peserta yang melanggar peraturan ini, peserta yang terlibat itu akan dibatalkan kelayakannya untuk bertanding dalam acara tersebut itu sahaja bagi semua kategori umur pertandingan ini.
- 2.3 Semua pemain perseorangan serta salah seorang pemain bergu bagi setiap pasangan bergu yang didaftarkan di bawah sesebuah sekolah itu mestilah pelajar-pelajar dari sekolah itu juga. Jikalau terdapat mana-mana sekolah yang melanggar peraturan ini, **semua** pemain yang didaftarkan di bawah sekolah tersebut akan dibatalkan kelayakan mereka untuk bertanding dan mereka tidak dibenarkan bermain lagi dalam pertandingan tahun ini sahaja.
- 2.4 Dua orang pemain yang berpasangan bagi acara bergu bolehlah berasal daripada sekolah-sekolah yang berlainan tetapi pasangan bergu itu mestilah didaftarkan di bawah salah sebuah sekolah mereka dan pasangan bergu itu akan diambil kira sebagai satu pasangan bergu bagi sekolah tersebut.
- 2.5 Sekolah-sekolah yang mendaftarkan pelajar-pelajar dari sekolah lain untuk berpasangan dengan pelajar-pelajarnya mestilah mendapatkan **surat persetujuan / kebenaran** daripada sekolah pelajar itu terlebih dahulu dan **sehelai salinan surat tersebut mestilah disertakan bersama dengan borang penyertaannya**. Tanpa surat tersebut, penyertaan pasangan bergu itu akan dibatalkan sahaja.
- 2.6 Jikalau dua orang pemain yang berpasangan dalam acara bergu adalah berasal daripada sekolah-sekolah berlainan, pasangan bergu itu cuma perlu didaftarkan di bawah salah sebuah sekolah pemain-pemain yang berpasangan itu. Mereka **tidak boleh** didaftarkan di bawah kedua-dua buah sekolah mereka. Pasangan bergu yang melanggar peraturan ini akan dibatalkan kelayakan mereka untuk bertanding dalam acara bergu itu sahaja.
- 2.7 Pemain acara bergu yang didaftarkan di bawah sekolah rakan pasangannya, haruslah dicatatkan **nama sekolah asalnya** di penghujung namanya sendiri dalam borang penyertaan tersebut.

3 Sistem Pertandingan

- 3.1 Pertandingan ini dijalankan secara **kalah-singgir** (kalah mati).
- 3.2 Tiada perlawanan diadakan bagi pemain-pemain / pasangan-pasangan yang telah kalah di peringkat separuh akhir; kedua-dua pemain / pasangan tersebut adalah pemenang bersama untuk kedudukan **ketiga**.
- 3.3 Semua perlawanan di peringkat sebelum suku-akhir bagi semua acara dan kategori umur akan diputuskan dengan **perlawanan satu gem (30 mata tanpa pertambahan mata)** sahaja. Seterusnya semua perlawanan mulai peringkat suku-akhir akan diputuskan dengan **perlawanan tiga gem yang terbaik (21 mata)**

4 Yuran Penyertaan

- 4.1 Bayaran **RM2.00** setiap peserta dalam acara **perseorangan**.
- 4.2 Bayaran **RM4.00** setiap pasangan dalam acara **bergu**.
- 4.3 Sekolah-sekolah atau pemain-pemain yang melanggar Peraturan-peraturan Pertandingan akan dibatalkan kelayakannya untuk bertanding dan yuran penyertaan tersebut **tidak**

akan dikembalikan.

5 Borang Penyertaan

- 5.1 Pendaftaran mestilah dibuat dalam borang penyertaan rasmi sahaja. Salinan fotostat borang penyertaan tersebut boleh diterima.
- 5.2 Semua borang penyertaan yang didaftarkan di bawah nama sesebuah sekolah itu mestilah **disahkan** oleh pengetua / guru besar sekolah itu. Borang penyertaan yang tidak disahkan oleh pengetua / guru besar berkenaan **tidak** akan diterima.
- 5.3 Setiap acara kumpulan **lelaki** dan kumpulan **perempuan** mengikut **kategori umur yang berlainan** serta acara **bergu campuran** mestilah didaftarkan dalam borang penyertaan yang **berasingan**. Borang penyertaan yang tidak lengkap atau salah diisikan **tidak** akan diterima.
- 5.4 Pendaftaran melalui telefon **tidak** akan dilayan.
- 5.5 Pendaftaran **tanpa** bayaran yuran penyertaan (wang tunai sahaja) **tidak** akan diterima.

6 Kriteria-kriteria pemilihan pemain-pemain

Kriteria-kriteria pemilihan pemain-pemain untuk menjalani latihan pusat dan mewakili MSSPP ke Kejohanan Badminton MSSM adalah berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- 6.1 Pemain yang bertanding dalam pertandingan badminton MSSPP peringkat Negeri.
- 6.2 Pemain yang berpotensi tetapi tidak dapat bertanding dalam pertandingan badminton MSSPP peringkat Negeri atas sebab bersekolah di Sekolah Sukan Bukit Jalil atau sedang menunggu keputusan SPM atau sakit, cedera, masalah kecemasan dan lain-lain.
- 6.3 Johan dan Naib-johan akan dipanggil untuk latihan pusat/pemilihan tetapi **tidak semestinya** dipilih untuk mewakili MSSPP ke Kejohanan Badminton MSSM. Jawatankuasa / Panel Pemilihan berhak dan akan memilih serta menentukan skuad pemain-pemain ke Kejohanan Badminton MSSM berdasarkan prestasi pemain semasa latihan pusat/pemilihan.

7 Hal-hal lain

- 7.1 **Penggantian / pertukaran** pemain-pemain **tidak akan dilayan** walaupun dengan sebarang sebab setelahnya tarikh tutup penerimaan borang penyertaan yang ditetapkan.
- 7.2 Pemain-pemain diwajibkan untuk membekalkan 2 orang hakim garisan bagi perlawanan mereka sendiri. Mereka tidak boleh mengambil bahagian dalam pertandingan tanpa hakim garisan sendiri itu.
- 7.3 Sekolah yang mengambil bahagian **diwajibkan** untuk menghantar seorang **pengadil** bagi pertandingan ini.
- 7.4 Pemain-pemain dikehendaki melaporkan diri kepada Referi Kehormat **15 minit** sebelum perlawanan mereka yang dijadualkan.
- 7.5 Pemain-pemain mesti membawa **kad pengenalan** atau **salinan sijil beranak** mereka semasa pertandingan untuk urusan pengesahan.
- 7.6 Pemain-pemain dikehendaki hadir menepati masa untuk perlawanan mereka dan bersedia dengan serta merta apabila perlawanannya diumumkan. Jika mereka gagal memasuki gelanggang selepas tamatnya **5 minit** pengumuman perlawanan tersebut untuk dimulakan, mereka akan dianggap **kalah tanpa bertanding**.
- 7.7 Peserta-peserta hendaklah menulis secara rasmi kepada Referi Kehormat jika mereka hendak memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawan mereka sebelum perlawanan mereka dimulakan.
- 7.8 Pakaian pemain yang mempunyai iklan / cap jenama yang bilangannya tidak melebihi tiga dan berukuran tidak boleh melebihi 20 cm persegi setiap satunya kecuali iklan / cap jenama penaja kejohanan ini.
- 7.9 Pemain-pemain dibenarkan minum air semasa perlawanan mereka berlangsung dengan syaratnya mereka telah memperolehi keizinan daripada pengadil perlawanan tersebut pada ketika itu.
- 7.10 Jawatankuasa Pengelola dan MSSPP tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kejadian yang berlaku sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
- 7.11 Pertandingan dijalankan mengikut Peraturan-peraturan Am **M.S.S.P.P.**, **M.S.S.M** dan undang-undang **B.W.F. (I.B.F.)**

KRITERIA PEMILIHAN PEMAIN MEWAKILI MSSPP KE MSSM

1 Bilangan Pemain Mengikut Kategori Umur dan Acara

- 1.1 Kejohanan MSSM diadakan mengikut 3 kategori Umur iaitu:
 - a) 12 Tahun Ke Bawah
 - b) 15 Tahun Ke Bawah
 - c) 18 Tahun Ke Bawah
- 1.2 Kejohanan MSSM diadakan mengikut 2 acara untuk setiap kategori umur iaitu:
 - a) Acara Perseorangan
 - b) Acara Bergudan acara bergu campuran kategori umur 18 tahun ke bawah
- 1.3 Penyertaan pemain mewakili MSSPP ke MSSM
 - a) **2 orang pemain perseorangan setiap kategori umur**
 - b) **2 pasangan pemain bergu setiap kategori umur**
 - c) **2 pasangan pemain bergu kategori umur 18 tahun ke bawah**

2 Kriteria-kriteria pemilihan pemain-pemain mewakili MSSPP ke MSSM

Kriteria-kriteria pemilihan pemain-pemain untuk menjalani latihan pusat dan mewakili MSSPP ke Kejohanan Badminton MSSM adalah berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

Kriteria Am

- 2.1 Pemain yang bertanding dalam pertandingan badminton MSSPP peringkat Negeri.
- 2.2 Pemain yang berpotensi tetapi tidak dapat bertanding dalam pertandingan badminton MSSPP peringkat Negeri atas sebab bersekolah di Sekolah Sukan Bukit Jalil atau sedang menunggu keputusan SPM atau sakit, cedera, masalah kecemasan dan lain-lain.
- 2.3 Johan dan Naib-johan akan dipanggil untuk latihan pusat / pemilihan tetapi **tidak semestinya** dipilih untuk mewakili MSSPP ke Kejohanan Badminton MSSM. Jawatankuasa / Panel Pemilihan berhak dan akan memilih serta menentukan skuad pemain-pemain ke Kejohanan Badminton MSSM berdasarkan prestasi pemain semasa latihan pusat / pemilihan.

Kriteria Khas

- 2.4 Pemilihan **2 orang / pasangan pemain yang terbaik** untuk mewakili MSSPP ke MSSM adalah berasaskan faktor berikut:
 - a) Johan di Kejohanan Peringkat Negeri adalah diiktirafkan sebagai pemain / pasangan yang terbaik dalam negeri (tidak termasuk pemain dari Sekolah Sukan Bukit Jalil kerana mereka tidak menyertai Kejohanan Peringkat Negeri)
 - b) Naib Johan di Kejohanan Peringkat Negeri tidak boleh diiktirafkan sebagai pemain / pasangan yang kedua terbaik kerana kemungkinan yang kedua terbaik telah pun disingkirkan oleh Johan pada pusingan awal lagi dalam format pertandingan kalah-singgir ini. Maka seorang / sepasang pemain lagi dalam kumpulan Johan format draw tersebut akan ditentukan untuk mengikuti latihan pusat / pemilihan **'ranking' yang sebenarnya**.
 - c) Penglibatan pemain / pasangan pemain dari Sekolah Sukan Bukit Jalil kelak akan dijalankan satu pemilihan lagi untuk memperolehi **"ranking" baru** dan berdasarkan 'ranking' terkini 2 orang / pasangan pemain akan ditentukan untuk mewakili MSSPP ke MSSM.
 - d) Pemain yang menimbulkan masalah disiplin akan digugurkan dari pasukan MSSPP.